



**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45A-(92&93)-09/2014]**

PENDAKWA RAYA

LWN

ZAHRA AHMADVAND ALIAKBAR

FATEMEH AHMADVAND ALIAKBAR

ALASAN PENGHAKIMAN

PENDAHULUAN

[1] Tertuduh Pertama dan Tertuduh Kedua masing-masing telah dipertuduhkan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (“ADB”) seperti di dalam P2 dan P4 seperti berikut:-

1.1 P2 terhadap Tertuduh Pertama

“That you on 23 August 2012 at about 7.45pm at the exit area, Level 3, MTB KLIA, Sepang, in the district of Sepang, in the state of Selangor, did traffic in a dangerous drug, to wit, 1465.5 gram Methamphetamine and that you thereby committed an offence under section 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 and punishable under section 39B(2) of the same Act.”

1.2 P4 terhadap Tertuduh Kedua

“That you on 23 August 2012 at about 7.45pm at the exit area, Level 3, MTB KLIA, Sepang, in the district of Sepang, in the state of Selangor, did traffic in a dangerous drug, to wit, 1445.1 gram Methamphetamine and that you thereby committed an offence under section 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 and punishable under section 39B(2) of the same Act.”

[2] Pendakwaan telah memanggil seramai 6 orang saksi sepanjang perbicaraan dan mereka terdiri daripada:-

- 2.1 Jurugambar, D/Kpl En.Razaimy b Abd Razak (SP1);
- 2.2 Ahli Kimia DNA, Pn. Siti Mastura (SP2);
- 2.3 Anggota Tangkapan, ASP M. Navamany (SP3);
- 2.4 Pegawai Tangkapan, Insp. Kenneth Khanna (SP4);
- 2.5 Ahli Kimia Dadah, En. Zulkefli b Mohd Edin (SP5); dan
- 2.6 Pegawai Penyiasat, Insp. Murugan Suppiah (SP6).

KES PENDAKWAAN

[3] Secara ringkasnya, fakta kes pendakwaan adalah:-

- 3.1 Pada 23/8/2012, SP3, SP4 bersama dua orang anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, KLIA, Sepang telah membuat pemantauan dan pemeriksaan terhadap semua penumpang yang tiba dari luar negara di kawasan pemeriksaan Kastam balai ketibaan antarabangsa, Aras 3, MTB, KLIA, Sepang;
- 3.2 Pada jam lebih kurang 7.45 malam, SP4 bersama SP3 telah menahan Tertuduh Pertama dan Tertuduh Kedua yang

merupakan kakak kepada Tertuduh Pertama yang sedang menarik sebuah bagasi masing-masing dan teragak-agak menuju ke kawasan berhampiran dengan mesin pengimbas kastam dalam keadaan yang mencurigakan. SP3 telah mengarahkan kedua-dua Tertuduh untuk menjalankan imbasan terhadap bagasi mereka tetapi tidak dapat menimbulkan sebarang imej yang mencurigakan;

- 3.3 Namun begitu, SP3 mengarahkan SP4 untuk membawa kedua-dua Tertuduh bersama bagasi mereka ke Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, KLIA di Aras 3 untuk pemeriksaan lanjut. SP4 mengawasi kedua-dua Tertuduh apabila sampai di Pejabat sehingga SP3 datang;
- 3.4 SP3 kemudian mengarahkan D/Kpl Pn. Suhaini untuk membuat pemeriksaan badan terhadap kedua-dua Tertuduh tersebut tetapi tidak menjumpai sebarang barang salah;
- 3.5 SP3 juga melakukan pemeriksaan terhadap bagasi berwarna hijau muda (P36) yang dibawa oleh Tertuduh Kedua dan mendapati di dalamnya terdapat pakaian dan kasut. Setelah mengeluarkan barang peribadi, SP3 menekan dasar bagasi itu dengan tangannya dan kedengaran bunyi seakan-akan berpasir semasa menekan. SP3 seterusnya mengopak bahagian bawah lapisan keras bagasi tersebut dan telah menjumpai dua bungkusan plastik lutsinar yang berisi bahan kristal yang berwarna putih (P73 dan P74) yang disyaki sebagai dadah;
- 3.6 Selepas itu, SP3 memeriksa bagasi berwarna merah jambu (P75) kepunyaan Tertuduh Pertama dan di dalam bagasi tersebut didapati pakaian dan kasut. Setelah dikeluarkan semua kandungan bagasi itu, SP3 membuat pemeriksaan secara lanjut terhadap bahagian bawah lapisan keras bagasi tersebut. Dengan cara yang sama, SP3 mengopak bahagian

bawah lapisan keras bagasi tersebut dan menjumpai dua bungkusan plastik lutsinar yang berisi bahan kristal yang berwarna putih (P76 dan P77) yang disyaki sebagai dadah;

- 3.7 Bagi dua bungkusan bahan kristal (P73 dan P74) yang dijumpai dari bagasi (P36), SP3 telah membuat timbangan dan hasil beratnya direkodkan sebagai 1930 gram. SP3 juga membuat penandaan terhadap barang-barang lain yang didapati di dalam bagasi P36. Borang bongkar (P35) dihasilkan;
- 3.8 Sementara itu, SP3 juga menimbangkan dua bungkusan bahan kristal (P76 dan P77) yang didapati dari bagasi (P75) yang merekodkan beratnya sebanyak 1940 gram. SP3 juga membuat penandaan terhadap barang-barang lain yang terkandung di dalam bagasi P75 tersebut dan mencatatkannya dalam borang bongkar (P78);
- 3.9 Pada jam lebih kurang 11.30 malam, Insp. Murugan Suppiah (SP6) dimaklumkan oleh Kpl Ghani di IPD Sepang berkenaan laporan (P104) yang dibuat oleh SP3 bahawa Tertuduh Pertama dan Tertuduh Kedua telah ditahan di KLIA kerana disyaki membawa dadah jenis syabu di dalam bagasi yang dibawa oleh mereka ke negara ini. Setelah menerima maklumat ini, SP6 bergerak ke KLIA dan bertindak sebagai Pegawai Penyiasat di dalam kes ini;
- 3.10 Pada jam lebih kurang 2.05 pagi (24/8/2012), SP6 menerima kesemua barang kes dan kedua-dua Tertuduh tersebut daripada SP3. SP3 telah menerangkan proses penangkapan kepada SP6 semasa penyerahan tersebut. Selepas itu, SP6 telah membuat pemeriksaan ke atas semua barang-barang kes dan membuat tandaan semula pada barang-barang kes itu

termasuk penimbangan semula dan anggaran berat adalah sama dengan terdahulu seperti yang dibuat oleh SP3;

3.11 Kemudian, SP6 membawa barang-barang kes ke Pejabat Narkotik Sepang dan menyimpan barang-barang kes itu di dalam almari besi di Pejabatnya yang mana hanya beliau mempunyai kunci untuk mengakses. Sehingga 28/8/2012 jam lebih kurang 12.31pm, SP6 menghantar barang kes yang disyaki dadah di dalam kotak bertanda “M” (P114) bagi dadah yang ditemui di dalam bagasi Tertuduh Kedua dan kotak bertanda “S” (P113) bagi dadah yang ditemui di dalam bagasi Tertuduh Pertama ke Jabatan Kimia kepada SP5 untuk dianalisa, manakala pada jam lebih kurang 12.40 - 12.44pm menghantar barang kes peribadi iaitu pakaian, seluar dan berus gigi kepada SP2 untuk tujuan analisa DNA;

3.12 Pada 12/12/2012, barang kes termasuk pakaian, seluar dan berus gigi dan laporan analisa DNA diterima oleh SP6 daripada SP2 (P15 dan P26). Seterusnya, pada 27/12/2012, SP6 menerima barang kes seperti kotak bertanda “M” (P114) dan kotak bertanda “S” (P113) dan laporan kimia (P111 dan P112) daripada SP5. Semasa penyerahan balik kepada SP6, kesemua barang kes tersebut berada dalam keadaan baik, bersih dan sempurna.

DAPATAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN (MELALUI ISU)

(I) HASIL ANALISA AHLI KIMIA DADAH (SP5)

[4] SP5 telah menerima dua kotak yang masing-masing bertanda “M” (P114) dan kotak bertanda “S” (P113) dan bermeterai “Polis Diraja Malaysia CAD Sepang” daripada SP6 pada 28/8/2012. SP5 memulakan analisis dengan menimbang berat kasar peketa bersama kandungannya dan memperoleh berat bersih kandungan bahan

kristal melalui selisih antara berat kasar dan berat paket plastik kosong.

- [5] Menurut SP5, kesemua bahan kristal yang telah dikeluarkan dari paket masing-masing dikisar menjadi serbuk yang homogen dan selepas itu SP5 baru menjalankan tiga jenis ujian kimia (ujian warna, GCMS dan GC-FID) ke atas serbuk-serbuk yang homogen itu secara berasingan (*Nolose Albert Rleshome v. PP* [2014] 2 MLJ 309).
- [6] SP5 telah mengesahkan bahan kristal yang terkandung di dalam kotak bertanda “M” (P114) adalah Methamphetamine iaitu dadah berbahaya seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, ADB dan berat bersihnya adalah 1445.1 gram. Di samping itu, SP5 telah menjalankan proses yang sama ke atas bahan kristal yang dihantar dalam kotak bertanda “S” (P113) dan hasil analisa beliau juga didapati adalah dadah berbahaya jenis Methamphetamine seperti yang dinyatakan sebelum ini seberat 1465.5 gram.
- [7] Dalam perbicaraan, tiada keterangan yang dapat ditimbulkan keraguan untuk mempertikaikan hasil analisa SP5. Justeru itu, Mahkamah ini menerima keterangan SP5 sepenuhnya berdasarkan keterangan serta laporan kimia yang dibuatnya (P111 dan P112) berkenaan dengan jenis dan berat dadah Methamphetamine yang dijumpai dari bagasi P75 dan P36 masing-masing (*Khoo Hi Chiang v. PP* [1994] 1 MLJ 265).

(II) JAGAAN ATAU KAWALAN TERHADAP BAGASI (P75 DAN P36)

- [8] Mahkamah ini mendapati daripada keterangan langsung bahawa kedua-dua Tertuduh mempunyai jagaan atau kawalan terhadap bagasi mereka yang didapati mengandungi dadah Methamphetamine. Ini kerana kedua-dua Tertuduh telah menarik

bagasi P75 dan P36 masing-masing sejurus turun dari penerbangan dan semasa di tempat mesin pengimbas untuk diperiksa. Ini adalah jelas menunjukkan bagasi tersebut adalah di dalam milik dan kawalan mereka masing-masing pada masa material (*Chan Pean Leon v. Public Prosecutor* [1956] 1 MLJ 237).

- [9] Namun, terdapat satu persoalan ditimbulkan dan menarik perhatian Mahkamah ini iaitu mengenai kedua-dua bagasi tersebut telah didaftarkan (P37 dan P83) di bawah nama Tertuduh Kedua sahaja. Walaubagaimanapun, pada peringkat ini tidak boleh dikatakan Tertuduh Pertama adalah tidak ada kena-mengena dengan apa yang dipertuduhkan dan Mahkamah ini terlebih dahulu perlu menimbangkan keterangan Pendakwaan secara keseluruhan sama ada menunjukkan Tertuduh Pertama dan Tertuduh Kedua mempunyai pengetahuan terhadap apa yang dijumpai dalam milikan mereka masing-masing.

(III) ANGGAPAN PENGETAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 37(d) ADB

A. Tertuduh Pertama

- [10] Semasa memberi keterangan, SP3, SP4 dan SP6 telah mengesahkan bahawa kedua-dua bagasi tersebut (P75 dan P36) yang bermaksud termasuk bagasi berwarna merah jambu (P75) yang dilihat dibawa oleh Tertuduh Pertama sebenarnya didaftarkan di bawah nama kakaknya iaitu Tertuduh Kedua dalam kes ini.

- [11] Berdasarkan keterangan SP6 semasa dalam soal balas menyatakan dalam siasatan beliau mendapati Tertuduh Pertama telah diajak oleh Tertuduh Kedua untuk melancong ke Malaysia dan dua beg tersebut telah dibawa pulang oleh Tertuduh Kedua sebelum penerbangan mereka ke Malaysia. Menurut keterangan di dalam siasatan, SP6 menyatakan bahawa beg P75 itu diberikan kepada Tertuduh

Pertama oleh Tertuduh Kedua untuk digunakan bagi menyimpan barangan peribadi Tertuduh Pertama bagi tujuan melancong ke Malaysia, manakala Tertuduh Kedua menggunakan beg P36 untuk menyimpan barangan peribadinya sendiri.

- [12] Mahkamah ini mengamati prinsip yang diperturunkan di dalam kes *Leow Ngee Lim v. Regina* [1956] MLJ 28 seperti berikut:-

*“In some of the cases it has been said that without knowledge there can be no possession. In others, **‘in possession’ has been read as ‘knowingly in possession’ by application of the doctrine of mens rea.** In some instances either view leads to the same result but not in all. The dicta does not make what degree of knowledge is meant. Also in some of the statutes, ‘possession’ and ‘knowledge’ have been treated separately and much confusion has resulted.*

*The word ‘possession’ is a vague and general word which cannot be closely defined. **Without at least general knowledge there cannot be possession but there can be possession without full and exact knowledge.** This is recognized in the present Drugs Ordinance which provides, **by the presumption already cited, that if a man has custody or control of a drug the onus of proving, first that he did not have possession, and secondly that he did not know the nature of the drug, shall be shifted to him...**” (Penekanan ditambah)*

- [13] Berdasarkan keterangan yang dikemukakan di peringkat pendakwaan sendiri telah menunjukkan bahawa tiada keterangan menunjukkan Tertuduh Pertama mempunyai pengetahuan tentang kewujudan dadah (P76 dan P77) yang disorok di dalam beg (P75) yang diberikan oleh kakaknya. Apa yang ada dalam pengetahuan Tertuduh Pertama adalah setakat beg (P75) tersebut telah diberikan

oleh kakaknya untuk menyimpan barangan peribadinya yang kemudiannya menjadi bagasi yang ditariknya semasa sampai di KLIA. Oleh kerana pendakwaan sendiri melalui saksinya telah mengesahkan kenyataan yang dinyatakan dalam percakapan beramaran Tertuduh Kedua (D132), maka Mahkamah ini membuat dapatan bahawa Tertuduh Pertama telah berjaya menolak pemakaian anggapan di bawah **seksyen 37(d) ADB** di peringkat kes pendakwaan dan mendapati tiada kes *prima facie* bahawa Tertuduh Pertama mempunyai milikan dan pengetahuan terhadap dadah tersebut (P76 dan P77) [*Chee Chiew Heong v. PP* [1981] 2 MLJ 287]. Tambahan pula tiada keterangan lain yang dapat mengaitkan Tertuduh Pertama selain daripada mempunyai milikan fizikal ke atas bagasi (P75) tersebut. Dadah yang tersorok rapi dalam beg P75 itu tidak mungkin dapat diketahui atau disyaki oleh Tertuduh Pertama kerana beg P75 itu diberikan oleh kakaknya sendiri.

B. Tertuduh Kedua

[14] Melalui keterangan yang ditampilkan oleh SP3, dadah (P73 dan P74) yang dijumpai di dalam bagasi (P36) telah disimpan dalam keadaan tersembunyi (serupa seperti di dalam bagasi P75) iaitu perlu mengopak bahagian bawah lapisan keras pelapik bagasi tersebut [P36(N1-N2)]. Oleh kerana terdapatnya keterangan bahawa Tertuduh Kedua mempunyai kawalan dan jagaan fizikal atas bagasi serta P36 ini yang didaftarkan atas namanya sendiri, dapat membolehkan pemakaian **seksyen 37(d) ADB** terhadap Tertuduh Kedua. Tambahan pula dengan menggunakan keterangan pendakwaan yang dikemukakan melalui soalan balas pembelaan bahawa Tertuduh Kedua yang membawa pulang beg P36 yang mana telah sedia tersorok dadah didalamnya dengan cara yang rapi, didapati terdapat keterangan tambahan yang membolehkan kes *prima facie* terbukti terhadapnya (berbeza dari Tertuduh Pertama).

Rujukan dibuat ke atas kes *Wjchai Onprom v. PP* [2006] 3 CLJ 724 yang menyatakan seperti berikut:-

“... Here the appellant was caught conveying a very large quantity of cannabis from Thailand to Malaysia. In view of the amount involved, it is safe to infer that the drug was intended for a person or persons, known or unknown. That other person or persons may, to borrow Lord Diplock’s words, be ‘the actual consumer or a distributor or another dealer.’ So this is not a case of mere passive possession. There were overt acts done by the appellant, namely the active concealment of the drug on his person followed by its conveyance from Thailand into Malaysia which reasonably supports the existence of criminal purpose proscribed by the Act. We may add that the very same facts also give rise to a strong inference that the appellant was aware of his possession, knew the nature of the drug possessed and had the power of disposal over it. So much for the prima facie proof of actual trafficking.” (Penekanan ditambah)

- [15] Namun begitu, Mahkamah ini mengambil kira hujahan Pembelaan yang menyangkal sekeras-kerasnya tentang inferens yang dikemukakan oleh Pendakwaan bahawa reaksi Tertuduh Pertama yang banyak bercakap dan bising apabila ditahan oleh SP3 dan SP4 dikatakan seolah-olah menyalahkan Tertuduh Kedua mengenai perihal tangkapan tersebut. Manakala, reaksi Tertuduh Kedua pada ketika itu adalah tidak banyak bercakap. Pembelaan menyatakan adalah tidak selamat bagi Mahkamah ini untuk menerima inferens tersebut yang hanya merupakan rekaan dan dibuat oleh Timbalan Pendakwa Raya kerana tanpa disokong oleh sebarang keterangan.
- [16] Mahkamah ini merujuk kepada kes *Teh Hock Leong v. PP* [2008] 4 CLJ 764 yang telah diputuskan seperti berikut:

“Of course, since the drugs were so cunningly concealed, there could be no necessity to take such drastic actions which may attract instant suspicion. So against these circumstances, **the appellant’s docile conduct throughout the period described could not have inferred an absence of knowledge of the said drugs.**” (Penekanan ditambah)

16.1 Mahkamah ini mendapati bahawa bukanlah semestinya sebarang tindak balas sama ada sengaja atau semula jadi yang ditunjukkan oleh tertuduh wajar dibuat andaian bagi menyokong kes pendakwaan. Namun berdasarkan keterangan yang ada terhadap Tertuduh Kedua, Mahkamah ini telah mengambil kira cara menyorok dadah di bawah pelapik keras bagasi P75 dan P36 yang disahkan dibawa pulang oleh Tertuduh Kedua adalah merupakan keterangan sokongan untuk membuktikan Tertuduh Kedua mempunyai elemen milikan *mens rea* terhadap dadah yang disimpan di dalam P36 tersebut dengan menggunakan anggapan di bawah **seksyen 37(d) ADB** yang perlu disangkal oleh Tertuduh Kedua di peringkat pembelaannya kelak; dan

16.2 Pada hemat Mahkamah ini, Tertuduh Kedua sewajarnya dipertuduhkan berkaitan dadah di dalam bagasi P75 juga. Namun hak Pendakwa Raya tidak boleh dipertikaikan oleh Mahkamah ini.

(IV) PENGEDARAN DADAH DI BAWAH SEKSYEN 2 ADB

[17] **Seksyen 2** dibaca bersama **seksyen 37(d) ADB** jelas boleh membuktikan bahawa Tertuduh Kedua mengedar dadah seberat 1465.5 gram sepertimana yang dinyatakan di dalam pertuduhan P4 dan kuantiti dadah yang amat banyak itu adalah untuk tujuan pengedaran dan bukan untuk kegunaan sendiri (*Ong Ah Chuan v. PP* [1981] 1 MLJ 64).

- [18] Mahkamah ini juga sentiasa mengambil ingatan agar tidak boleh menggunakan lebih daripada satu anggapan statutori untuk membuktikan pertuduhan pengedaran dadah di dalam kes ini. Ini disebabkan oleh **seksyen 37A ADB** hanya membenarkan pemakaian lebih dari satu anggapan statutori mulai 15/2/2014 tetapi tangkapan Tertuduh Kedua dan rampasan barang kes dadah dalam kes ini berlaku pada 23/8/2012 iaitu sebelum tarikh berkuatkuasa pindaan undang-undang tersebut. Oleh yang demikian, selain menggunakan **seksyen 2** bersama **seksyen 37(d) ADB**, secara alternatif bukti secara terus bagi menunjukkan pemilikan berpengetahuan dan dibaca bersama anggapan statutori di bawah **Seksyen 37(da) ADB** boleh dipakai terhadap Tertuduh Kedua. Namun, kedua-dua anggapan statutori ini tidak boleh dipakai bersama dalam kes ini (*Mohamad Hanafi bin Mohamad Hashim lwn. Pendakwa Raya* [2016] 3 MLJ 723).
- [19] Mahkamah ini telah menilai keterangan secara maksima dan membuat dapatan bahawa berlakunya perbuatan pengedaran dadah oleh Tertuduh Kedua seperti yang ditakrifkan di bawah **seksyen 2 ADB** secara keterangan terus yang mana dadah berbahaya Methamphetamine itu telah dibawa dari luar negara ke dalam Malaysia dengan pengetahuan Tertuduh Kedua berdasarkan anggapan di bawah **seksyen 37(d) ADB**. Oleh itu, Tertuduh Kedua telah dipanggil membela dirinya.
- (V) **SIASATAN PEGAWAI PENYIASAT (SP6) TERHADAP PENAMA ALI, ARMAN DAN MORTEZA**
- [20] Pembelaan membangkitkan isu percakapan beramaran Tertuduh Kedua (D132) yang telah memaklumkan bahawa bagasi-bagasi P36 dan P75 adalah diberikan kepadanya oleh penama Ali dan penama Arman untuk diserahkan kepada penama Morteza sesampai di Kuala Lumpur, Malaysia.

- 20.1 Pembelaan berhujah lanjut bahawa SP6 gagal menjalankan siasatan sepenuhnya terhadap pesanan ringkas yang dihantar melalui nombor talipon antarabangsa kepada Tertuduh Kedua sejak beliau ditangkap pada 23/8/2012 jam lebih kurang 7.45 pm.
- [21] Mahkamah ini menilai dan mempertimbangkan keterangan SP6 yang mengesahkan dalam keterangannya (dengan berdasarkan kepada percakapan beramaran Tertuduh Kedua [D132]) menyatakan Tertuduh Kedua hanya mengenali penama Ali dan Arman semasa menaiki sebuah teksi dan mereka telah menawarkan Tertuduh Kedua untuk percutian ke luar negara. Mereka kemudian menelefon Tertuduh Kedua untuk memaklumkan tiket penerbangan yang ditempah dan tempat tinggal yang disediakan dengan syaratnya Tertuduh Kedua perlu membawa dua beg ke Kuala Lumpur untuk diserahkan kepada Penama Morteza.
- [22] SP6 telah menerangkan bahawa beliau telah menyiasat penama Ali dan Arman melalui rekod *phone book* telefon bimbit (P72) milik Tertuduh Kedua dan nombor antarabangsa berserta maklumat mengenai mereka adalah hanya setakat “identiti lelaki Iran”. Mahkamah ini bersetuju dengan SP6 bahawa nama ringkas iaitu Ali dan Arman sahaja tanpa butir-butir lain yang lebih terperinci mengenai identifikasinya, adalah mustahil untuk SP6 mengesan mereka berdua di negara Iran yang besar, sepertimana dinyatakan di dalam kes *Modjtaba Hosseinzadeh Majid v. PP* [2015] 1 LNS 434:-

*“[24] At the end of this exercise, the learned trial judge had come to the conclusion that Abu Dzal was a fictitious person, conveniently created by both the appellants as an afterthought. It was indeed incredible, as was found by the learned trial Judge that **neither one of the appellants was able to furnish the full name and the basic full particulars**”*

of Abu Dzal to the Investigating Officer. Abu Dzal was supposed to have stayed on the same street as the Appellants in Tehran in Iran, and yet they expected the Investigating Officer to launch a full scale investigations into tracing the so-called Abu Dzal in Iran...” (Penekanan ditambah)

[23] Dengan ini, Mahkamah ini mendapati SP6 telah menjalankan siasatannya sedaya upaya berdasarkan maklumat yang ada dan isu yang dibangkitkan oleh pembelaan ini adalah tidak bermerit.

PENGENDALIAN BARANG KES DADAH

[24] Mahkamah ini berpuas hati dengan rangkaian pengendalian barang kes yang tidak pernah terputus kerana eksibit dadah yang dijumpai daripada bagasi P36 dan P75 semasa dirampas, disimpan, dianalisa dan diserahkan kembali kepada SP6 untuk jagaan dan dikemukakan di Mahkamah ini adalah eksibit dadah yang sama (*Mohd Fais bin Diram lwn. Pendakwa Raya* [2014] 3 MLJ 281).

KES *PRIMA FACIE*

[25] Mahkamah ini telahpun meneliti keterangan secara keseluruhan dan membuat penilaian maksima dan mengulangi sekali lagi telah mendapati bahawa tiada kes *prima facie* telah dibuktikan oleh pendakwaan terhadap Tertuduh Pertama kerana tidak terdapat bukti kukuh di dalam perbicaraan ini bahawa Tertuduh Pertama mempunyai pengetahuan mengenai dadah di dalam bagasi merah jambu (P75) tersebut. Lagipun, bagasi P75 itu didaftarkan di bawah nama kakaknya, iaitu Tertuduh Kedua. Terdapat juga keterangan melalui SP6 [walaupun dalam bentuk percakapan beramaran Tertuduh Kedua yang dikemukakan semasa perbicaraan ini] bahawa beg P75 itu dibawa pulang oleh Tertuduh Kedua dalam keadaan kosong apabila dibuka dan dilihat dengan mata kasar oleh Tertuduh Pertama serta secara munasabahnyanya tidak dapat mengesyaki apa-

apa dan ini telah dapat menyangkal pemakaian anggapan di bawah **seksyen 37(d) ADB** terhadap Tertuduh Pertama. Tanpa anggapan pengetahuan terpakai terhadap Tertuduh Pertama, maka tiada kes *prima facie* boleh dikatakan terbukti terhadapnya. Oleh yang demikian, Tertuduh Pertama dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri.

25.1 Sebagai penjelasan lanjut, panduan di dalam mencapai dapatan di atas Mahkamah ini telah dipandu dan bersetuju dengan keputusan Mahkamah terdahulu seperti berikut:-

- a) YA Mokhtar Abdullah, J (pada ketika itu) di dalam kes *PP v. Lin Lian Chen* [1991] 1 MLJ 316 (disahkan oleh Supreme Court melalui Rayuan Jenayah No. 05-104-90) dalam penghakimannya berkata:-

“It is trite law that statutory presumptions raised during the prosecution case may even be rebutted during the prosecution case itself. If the accused can raise credible evidence to rebut, on a balance of probability, the presumption of possession and trafficking in a dangerous drug at the close of the prosecution case, then he is entitled to an acquittal if at that stage no prima facie case is thereby established.”

(penekanan ditambah);

- b) Di dalam kes *Chee Chiew Heong (supra)*, Chan J (pada ketika itu) berkata,

“The presumption in section 37(d) that possession of the container in which the dangerous drug is found is deemed to be

possession of the drug itself is a rebuttable one. In this case, the presumption had been rebutted by the cautioned statement. A presumption can be rebutted from the adduced by the prosecution; see Soo Seng Huat v. Public Prosecutor [1968] 1 MLJ 80 where Chang Min Tat J. said:

“(It) does not mean to say of course that (a) presumption cannot be rebutted merely from the prosecution evidence. It can.”

*The defence ought not to have been called at the close of the prosecution’s case. The presumption had been rebutted. All that had been proved by the prosecution at that stage was that she was in possession of a parcel. **Because there was no longer any presumption there is therefore no evidence to show that the accused knew that the parcel contained heroin and morphine...**”*
(Penekanan ditambah)

- [26] Begitulah juga yang berlaku di dalam kes ini. Di dalam situasi yang terdapatnya keraguan yang dapat ditimbulkan oleh pembelaan semasa kes pendakwaan, menjadikan Mahkamah ini ragu-ragu untuk mendapati suatu kes *prima facie* telah terbukti (*Mat v. PP* [1963] MLJ 263).
- [27] Seperti yang telah dinyatakan dalam penghakiman ini sebelum ini, mengenai Tertuduh Kedua pula, pertuduhan di dalam P4 yang dihadapinya telah dibicarakan di dalam perbicaraan ini bersekali dan pertuduhan terhadapnya di dalam P4 itu melibatkan dadah yang dijumpai di dalam bagasi berwarna hijau muda (P36). Berdasarkan kepada keterangan-keterangan sepenuhnya yang telah dikemukakan oleh saksi-saksi Pendakwaan, Mahkamah ini seperti yang

dinyatakan sebelum ini telah mendapati bahawa terdapat satu kes *prima facie* terhadapnya dan dengan demikian Tertuduh Kedua telah dipanggil untuk membela diri di atas pertuduhan tersebut (*Looi Kow Chai* [2003] 1 CLJ 734; *Balachandran v. PP* [2005] 2 MLJ 301; *PP v. Suzie Adrina Ahmad* [2006] 3 CLJ 889).

- [28] Secara kesimpulannya, Mahkamah ini juga mendapati bahawa di atas penilaian maksima tersebut, bukti terus pemilikan untuk tujuan pengedaran dan bersandarkan kepada pemakaian anggapan statutori di bawah **seksyen 37(d) ADB** telah membolehkan kes *prima facie* dibuktikan oleh pendakwaan yang mewajarkan pembelaan Tertuduh Kedua diperintahkan dipanggil.

KES PEMBELAAN TERTUDUH KEDUA

- [29] Tertuduh Kedua membela diri dengan memilih untuk memberikan keterangan secara bersumpah dari kandang saksi. Dalam pembelaan, Tertuduh Kedua menyatakan seperti berikut:-

29.1 Tertuduh Kedua berusia 44 tahun dan beliau telah bercerai dengan suaminya. Beliau mempunyai seorang anak perempuan berusia 25 tahun dan seorang anak lelaki berusia 17 tahun. Beliau bekerja sebagai pendandan rambut di sebuah salon di Tehran;

29.2 Tertuduh Kedua tinggal di Karaj bersama ibu bapanya, dua orang anaknya dan adiknya (Tertuduh Pertama);

29.3 Tertuduh Kedua berkenalan dengan penama Ali dan Arman di dalam teksi semasa dalam perjalanan dari Tehran ke Karaj yang mengambil masa sejam lebih. Mereka bertiga berbual-bual sepanjang perjalanan tersebut;

29.4 Penama Ali dan Arman memberitahu Tertuduh Kedua bahawa mereka mempunyai perniagaan menjual karpit dan sering ke

luar negara. Mereka juga tanya Tertuduh Kedua sama ada berminat untuk pergi ke luar negara.

- 29.5 Sesampai di Tehran, Tertuduh Kedua bertukar nombor telefonnya dengan mereka;
- 29.6 Lebih kurang 2 - 3 hari selepas bertemu di dalam teksi, penama Arman menelefon Tertuduh Kedua dan menawar beliau untuk melancong ke Malaysia sekiranya beliau berminat. Tempat penginapan dan tiket penerbangan akan dibekalkan oleh penama Arman;
- 29.7 Tertuduh Kedua bersetuju kerana beliau memang suka melancong. Selepas itu, penama Arman sering menghantar pesanan ringkas kepada Tertuduh Kedua dan mengajak beliau untuk berjumpa. Kemudian, Tertuduh Kedua jatuh hati kepada penama Arman. Arman juga menyatakan kepada Tertuduh Kedua bahawa beliau telah menyukainya dan menganggapnya sebagai teman wanita;
- 29.8 Setelah 20 hari bekenalan dengan penama Ali dan Arman dalam teksi, 2 beg (P36 dan P75) diberikan oleh penama Ali dan Arman kepada Tertuduh Kedua. Tertuduh Kedua membuka beg-beg P36 dan P75 tersebut dan mendapati beg-beg itu adalah kosong dan baru, seperti dikatakan oleh Arman bahawa beg-beg tersebut belum pernah digunakan oleh mereka;
- 29.9 Penama Ali dan Arman tersebut menyuruh Tertuduh Kedua untuk membawa beg-beg P36 dan P75 ke Malaysia untuk diserahkan kepada seorang penama Morteza di Kuala Lumpur. Tertuduh Kedua telah bertanyakan Arman bahawa kenapa perlunya membawa beg tersebut kepada Morteza sedangkan itu hanyalah beg-beg yang biasa;

- 29.10 Penama Arman memberitahu Tertuduh Kedua bahawa beg-beg P36 dan P75 hendaklah diserahkan kepada Morteza kerana beg-beg tersebut adalah dibeli oleh Morteza untuk Ali dan Arman. Pada masa dahulu, mereka bertiga merupakan teman rapat tetapi Morteza sering bertengkar dengan Ali dan Arman selepas beliau ke Malaysia dan sekarang beliau mahukan kembali beg-beg P36 dan P75;
- 29.11 Tertuduh Kedua juga bertanya Arman dan Ali kenapa tidak poskan beg P36 dan P75 tetapi Arman menyatakan takut beg P36 dan P75 mungkin akan hilang melalui penghantaran pos. Arman tidak mahu berlakunya kehilangan beg P36 dan P75 kerana Morteza adalah seorang yang pelik;
- 29.12 Arman seterusnya menjelaskan bahawa hasratnya adalah untuk memulangkan beg-beg (P36 dan P75) itu untuk memutuskan persahabatan antara mereka dengan Morteza;
- 29.13 Malah, Arman menyatakan bahawa beliau boleh menanggung perbelanjaan Tertuduh Kedua dan adiknya (Tertuduh Pertama) ke Malaysia. Tertuduh Kedua berasa gembira apabila mendengarnya;
- 29.14 Tertuduh Kedua selepas itu mengambil beg P36 dan P75 tersebut dan meletakkan pakaian bersama barang peribadinya ke dalam beg P36 itu tanpa mempunyai pengetahuan terdapatnya dadah tersembunyi di dalam dasar beg itu dan beg P75 diberikan kepada Tertuduh Pertama untuk mengisi barang peribadinya;
- 29.15 Tertuduh Kedua bersama Tertuduh Pertama memulakan perjalanan dari Tehran ke Erbil pada petang 19/8/2012 kerana beliau memang merancang untuk pergi ke Erbil untuk menyambut perayaan Aidilfitri bersama rakan-rakannya iaitu

Farzaneh dan Hassan yang menetap di Erbil. Tertuduh Kedua dan Tertuduh Pertama tinggal di rumah Farzaneh dan Hassan selama 2 hari; dan

29.16 Tertuduh Kedua dan Tertuduh Pertama kemudiannya bertolak ke Malaysia bersama beg-beg P36 dan P75 tersebut dari Erbil dan mereka tiba di KLIA, Sepang pada 23/8/2012 jam lebih kurang 7 - 7.30 pagi. Selepas itu, mereka telah ditahan.

DAPATAN MAHKAMAH DI AKHIR KES PEMBELAAN TERTUDUH KEDUA (MELALUI ISU)

(I) PEMBAWA TIDAK BERSALAH

[30] Adalah prinsip undang-undang yang mantap menyatakan pembelaan “*innocent carrier*” yang ditimbulkan oleh Pembelaan hendaklah diambil kira dan dinilai bersama konsep “*wilful blindness*” (*PP v. Klong K’Djoanh & Another Appeal* [2016] 5 CLJ 533).

[31] Tertuduh Kedua menyatakan dirinya sebagai pembawa tidak bersalah dengan membawa bagasi (P36) yang diberikan oleh penama Ali dan Arman (teman lelakinya) untuk diserahkan kepada penama Morteza di Malaysia.

31.1 Adalah sukar bagi mempercayai asas pembelaan Tertuduh Kedua mengenai dalam tempoh masa lebih kurang 25 hari sahaja, Tertuduh Kedua telah dan boleh mempercayai sepenuhnya Arman sehingga menurut sebarang arahannya walaupun mengetahui penjelasan yang diberikan oleh Arman adalah tidak berasas dan tahu beg-beg tersebut sebenarnya boleh dihantar kepada Morteza melalui penghantaran pos kerana matlamatnya akan dicapai pada akhirnya iaitu untuk Morteza menerima beg-beg tersebut. Lagipun menurut Tertuduh Kedua, beg-beg itu adalah biasa dan kosong sahaja

dan tiada apa-apa yang bezanya atau istimewa mengenainya. Ini tidak memerlukan seorang pembawa untuk menaiki kapal terbang dengan kos belanja yang tinggi;

31.2 Dalam kes *Aida Dizon Garcia v. Public Prosecutor* [2015] 3 MLJ 322, Hakim Mahkamah Rayuan Umi Kalthum telah menyatakan bahawa:-

“In Ahmad bin Ibrahim v. Public Prosecutor [2012] 6 MLJ 305; [2012] 7 CLJ 445 (CA), Azahar Mohamed JCA (as he then was) delivering judgment of the court held, at pp 313 (MLJ) 454 (CLJ), para 10, as follows:

[10] Turning now to the third ground, it was argued by learned counsel that the learned High Court judge had failed to appreciate the evidence given by the appellant that he was an innocent carrier of the bag containing the cannabis for Iskandar and that the appellant had only momentary custody and control of the bag without knowledge that the bag contained cannabis. According to the appellant, there was a lack of judicial appreciation of the defence of the appellant. A defence of innocent carrier refers to a state of affairs where an accused person acknowledges carrying, for example a bag, as in the case before us, containing the dangerous drugs but disputes having knowledge of the drugs. Whether it will succeed or not would very much depend on the facts of each case. In considering this ground, we had scrutinised with care the judgment of the learned High Court judge...

[11] *As noted by the learned High Court judge in her judgment (see p 115 Jld 2 of the appeal record) **the physical condition of the bag the appellant was holding in his right hand showed that it could be easily opened in order to discover its contents and that the cannabis, which is the subject matter in respect of the offence charged was wrapped in transparent plastic. The appellant could have easily opened the bag to check its contents. A person who on purpose shut his eyes to the obvious for the reason that he did not want to know would be taken to have the necessary knowledge.** The learned High Court judge had judicially appreciated and considered the defence of innocent carrier. On consideration of the evidence in the appeal record of the present case, in our judgment, the learned High Court judge was entitled and correct in rejecting the innocent carrier defence. Moreover, in our judgment, the appellant's demeanour and conduct at the material time would show that she was aware of the cannabis in his possession. The demeanour and the conduct as well as the reaction of the appellant upon being confronted by the police were clearly admissible under s 8 of the Evidence Act 1950 on the issue whether the appellant having knowledge of the offending drug at the material time (see *Parlan bin Dadeh v. Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717).” (Penekanan ditambah);*

31.3 Seperti yang telah diperakui oleh pembelaan, bagasi (P36) tidak berkunci dan ketika diberikan kepada Tertuduh Kedua oleh Arman dan Ali beg itu adalah kosong. Tertuduh Kedua kemudian telah mengemas dan menyimpan barang-barang peribadinya ke dalam beg itu dan pada ketika itu beliau mempunyai banyak kesempatan untuk memeriksa keadaan beg tersebut terutamanya boleh mendengar bunyi pasir semasa menekan dasar bagasi tersebut untuk meletakkan barangnya, sepertimana yang didapati oleh SP3. Kedengaran bunyi pasir tersebut tidak memerlukan sebarang kemahiran khas. Tertuduh Kedua sendiri telah memilih untuk “membutakan matanya” tanpa mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dan dengan ini, Mahkamah ini mendapati pembelaan Tertuduh Kedua sebagai “*innocent carrier*” adalah tidak boleh diterima sebagai munasabah.

[32] Tambahan pula, tidak munasabah bahawa Tertuduh Kedua yang dikatakan merupakan kekasih kepada penama Arman tetapi tidak dapat memberikan maklumat yang terperinci berkenaan Arman seperti nama penuh, alamat, gambar Arman dan lain-lain kepada pihak polis untuk siasatan terperinci. Isu berkenaan perhubungan kekasih antara Tertuduh Kedua dengan penama Arman ini juga tidak pernah ditimbulkan semasa kes pendakwaan dan ini menunjukkan satu pemikiran kemudian yang dihasilkan oleh Tertuduh Kedua dalam pembelaannya (*Pius Emmanuel David v. Public Prosecutor* [2016] 1 MLJ 233).

[33] Rujukan dibuat kepada kes *Md Nurhidayat bin Md Ali v. Public Prosecutor* [2014] 5 MLJ 182 yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan seperti berikut:-

“[26] *We find ourselves in full agreement with the findings of the learned High Court judge. In our judgment, the learned*

*High Court judge directed herself correctly upon this aspect of law and facts. Her findings of fact do not contain any error warranting appellate intervention. **In our judgment the appellant's story was incapable of raising a reasonable doubt on the prosecution's case. The appellant had more than enough opportunity to ascertain what was inside the backpack which Raju had handed over to him. He deliberately did not take the trouble to inspect the backpack but merely relied on what was said by Raju. In our view, he shut his eyes to the obvious and consciously refrained from inquiry because he knew what was inside the backpack. No one had prevented him from checking it.** In our judgment, the appellant's defence was rightly dismissed by the learned High Court judge." (Penekanan ditambah)*

Pada hemat Mahkamah ini, pihak Pembelaan gagal menyangkal kesimpulan mengenai Tertuduh Kedua mempunyai pengetahuan tentang beg (P36) yang mengandungi dadah tersebut dan membawa dadah tersebut ke Malaysia untuk pengedaran berdasarkan fakta dalam kes ini. Lagipun adalah tidak logik untuk diterima akal bahawa beg-beg kosong itu diarahkan untuk dipulangkan kepada Morteza kerana untuk memutuskan perhubungan antara Arman dan Ali dengan Morteza disebabkan oleh Morteza adalah seorang yang pelik. Ini semua adalah cerita rekaan Tertuduh Kedua kerana Tertuduh Kedua sebenarnya mengetahui kewujudan dadah tersebut yang dibawa olehnya untuk diedarkan kepada seorang yang lain di Malaysia [*Aida Dizon Garcia v. Public Prosecutor (supra)* dan *Wjchai Onprom v. PP (supra)*].

34. Setelah menilai dengan berhati-hati kesemua keterangan dalam kes ini iaitu keterangan pendakwaan dan pembelaan, Mahkamah ini mendapati pembelaan Tertuduh Kedua adalah bersifat rekaan dan penafian semata-mata. Mahkamah ini memutuskan pihak

Pembelaan gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap pendakwaan dan dengan ini Pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah terhadap Tertuduh Kedua.

(II) HUKUM PEMBELAAN MENGENAI KESALAHAN ALTERNATIF

[35] Mahkamah ini menolak hujahan Pembelaan yang memohon Mahkamah ini agar mendapati Tertuduh Kedua bersalah bagi suatu kesalahan pada tahap yang lebih rendah secara alternatif, kerana di dalam kes ini tiada keraguan sama ada Tertuduh kedua telah melakukan kesalahan seperti dalam pertuduhan (P4) atau kesalahan yang lebih rendah. Pembelaan telah merujuk kes *PP v. Ang Soon Huat* [1991] 1 MLJ 1 dan memetik petikan di dalam kes itu sebagai sokongan iaitu:-

“to apply the principle that where the court is, on the evidence, left in doubt as to whether the accused has committed an offence in a lower or a higher degree of seriousness, the court should make a finding in the lower degree, particularly in a case in which a finding in a higher degree will give rise to a mandatory sentence of death.”

[36] Mahkamah ini mendapati petikan di atas (kes *Ang Soon Huat* [*supra*]) sebenarnya mengambil kira berat sebenar dadah yang menjadi persoalan dipertuduhkan dan bukan atas aspek kebersalahan. Ini amat berbeza dengan apa yang dihujah oleh peguambela. Untuk isu ini, Mahkamah ini berpegang teguh kepada prinsip di dalam kes *Mat v. PP* [1963] 1 MLJ 263:-

“(a) If you are satisfied beyond reasonable doubt as to the accused’s guilt ...Convict.”

(Penekanan ditambah)

[37] Mahkamah ini mendapati bahawa tidak wujudnya apa-apa kesalahan alternatif kerana ini akan mengakibatkan salah laksana keadilan. Mahkamah ini telah meneliti keterangan dan cuba melihat sama ada terdapat sebarang keraguan yang ditimbulkan oleh pembelaan. Jika ada, manfaat keraguan (*benefit of doubt*) mestilah diberikan kepada Tertuduh dan jika sebaliknya akan mensabitkan dan seterusnya menjatuhkan hukuman sejajar dengan peruntukan undang-undang.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[38] Oleh itu, berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan seperti di atas dan setelah mempertimbangkan secara teliti kesemua keterangan, Mahkamah ini membuat keputusan seperti berikut:-

38.1 Tertuduh Pertama dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan dalam P2 tanpa dipanggil membela diri kerana ketiadaan kes *prima facie* di dalam kes pendakwaan; dan

38.2 Mahkamah ini mensabitkan Tertuduh Kedua di bawah kesalahan mengedar dadah seperti pertuduhan dalam P4 dan selanjutnya menjatuhkan hukuman mati mandatori terhadap Tertuduh Kedua sepertimana yang dinyatakan di bawah **seksyen 39B(2) ADB**.

Bertarikh: 13 FEBRUARI 2017

(ZULKIFLI BAKAR)

Hakim

Mahkamah Tinggi Malaya

Shah Alam



Tarikh Perintah Di Mahkamah Terbuka Terhadap Tertuduh Pertama: 21 JULY 2016

Tarikh Perintah Di Mahkamah Terbuka Terhadap Tertuduh KEDUA: 26 SEPTEMBER 2016

Kaunsel:

Bagi pihak pendakwaan - Noor Husnita Mohd Radzi, Timbalan Pendakwaraya; Pejabat Timbalan Pendakwa Raya Selangor
Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor
Tingkat 4 Podium Utara
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Bagi pihak tertuduh pertama - N Sivananthan; T/n Sivananthan
Peguambela & Peguamcara
Suite No. 1, L17-01, PJX Tower
No. 16A, Persiaran Barat
46050 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Bagi pihak tertuduh kedua - Syazlin Mansor; T/n Sivananthan
Peguambela & Peguamcara
Suite No. 1, L17-01, PJX Tower
No. 16A, Persiaran Barat
46050 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Kes-kes yang dirujuk:

Nolose Albert Rleshome v. PP [2014] 2 MLJ 309



Khoo Hi Chiang v. PP [1994] 1 MLJ 265

Chan Pean Leon v. Public Prosecutor [1956] 1 MLJ 237

Leow Ngee Lim v. Regina [1956] MLJ 28

Chee Chiew Heong v. PP [1981] 2 MLJ 287

Wjchai Onprom v. PP [2006] 3 CLJ 724

Teh Hock Leong v. PP [2008] 4 CLJ 764

Ong Ah Chuan v. PP [1981] 1 MLJ 64

Mohamad Hanafi bin Mohamad Hashim lwn. Pendakwa Raya [2016] 3 MLJ 723

Modjtaba Hosseinzadeh Majid v. PP [2015] 1 LNS 434

Mohd Fais bin Diram lwn. Pendakwa Raya [2014] 3 MLJ 281

Looi Kow Chai [2003] 1 CLJ 734

Balachandran v. PP [2005] 2 MLJ 301

PP v. Suzie Adrina Ahmad [2006] 3 CLJ 889

PP v. Klong K'Djoanh & Another Appeal [2016] 5 CLJ 533

Pius Emmanuel David v. Public Prosecutor [2016] 1 MLJ 233

Md Nurhidayat bin Md Ali v. Public Prosecutor [2014] 5 MLJ 182

PP v. Ang Soon Huat [1991] 1 MLJ 1

Mat v. PP [1963] 1 MLJ 263

Perundangan yang dirujuk:



[2017] 1 LNS 435

Legal Network Series

Akta Dadah Berbahaya 1952, ss. 2, 37(d), (da), 37A, 39B(1)(a), Jadual Pertama